

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]

TARIKH : 20 NOV 2017

RUJUKAN : 10347

SOALAN:

Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik kes ragut dan samun dari tahun 2015- 2017, dan adakah dengan penambahan kamera litar (CCTV) dapat membantu polis untuk mengesan penyamun dan peragut dan adakah dengan cara ini kes ragut dapat dikurangkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa memberikan komitmen berterusan dalam menangani jenayah jalanan terutamanya jenayah ragut. Di bawah *National Key Result Area (NKRA)*, jenayah jalanan diberikan perhatian serius memandangkan kes demikian bukan sahaja menimbulkan ketakutan kepada orang ramai, malah terdapat kes ragut yang berakhir dengan kematian.

Sebanyak 13,748 kes samun telah dilaporkan bagi tahun 2015. Bagi tahun 2016, sebanyak 14,453 kes telah direkodkan manakala sebanyak 10,434 kes dilaporkan sehingga September 2017. Bagi kes ragut pula, sebanyak 2,362 kes telah dilaporkan pada tahun 2015 dan sebanyak 2,963 kes telah direkodkan pada tahun 2016. Manakala sebanyak 188 kes telah dilaporkan sehingga September 2017.

Di bawah inisiatif Bandar Selamat, CCTV dipasang di kawasan-kawasan yang dikenalpasti menyumbang kadar jenayah tinggi di bandar-bandar utama di seluruh negara sebagai langkah mengurangkan jenayah. Pemasangan CCTV diuruskan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala kawalan CCTV dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Ibu Pejabat Polis Daerah berhampiran. Ketika ini, CCTV yang dipasang bertujuan untuk memantau kawasan yang menjadi tumpuan ramai dan berisiko berlakunya jenayah.

PDRM tidak dapat memberikan analisa lengkap secara keseluruhan berkaitan keberkesanan CCTV dalam pencegahan jenayah memandangkan sistem ini masih belum diintegrasikan dalam *Police Reporting System (PRS)*. Namun, analisa secara rambang menunjukkan pemasangan CCTV telah membantu PDRM untuk mengurangkan kes jenayah di kawasan berkenaan.